



### ***Labbayka Allāhumma Labbayk – Tuhanku Inilah Aku Datang Menyambut Seruan-Mu***

Siapakah daripada umat Islam yang tidak ingin sekali seumur hidupnya untuk berkunjung ke Baitul Haram kerana menunaikan fardu haji? Di sini berhimpun seluruh umat Islam, kaya dan miskin, hina dan mulia masing-masing mengabdikan diri kepada *Khāliqnya* di rumah lama, di *Bayt al-'Atīq* kerana menerima seruan Tuhan! Tidak ada perbezaan di antara satu sama lain – masing-masing menjadi dif Tuhan! Bagi hamba-hamba-Nya yang menerima pertunjuk, yang telah sekali tawaf dan melihat *Bayt al-'Atīq* ini, apabila pulang ke tanah air – apabila terpandang kepada keindahan gambar seperti di atas ini datanglah rindunya untuk pergi semula ke sana, pergi mentenangkan jiwa raga di sisi *Bayt al-'Atīq*, untuk beribadah kepada Allah! Lihatlah bagaimana manusia berkeliling di sana, masing-masing berharap kepada keredaan Allah. Mudah-mudahan haji umat Islam tiap-tiap tahun menjadi haji mabruk haji yang diterima Tuhan – (Gambar ehsan Kedutaan Arab Saudi, Kuala Lumpur)